

Mesej Empat

Tinggal dalam Kristus yang Merupakan Pohon Anggur Benar

Bacaan Bible: Yoh. 15:1, 4-5, 7; 1 Yoh. 2:6, 27-28; 3:24; 4:13, 15; Roma 8:4

- I. Tuan Yesus berkata, “Akulah pohon anggur benar”—Yoh. 15:1a; bd. Wahi 14:18:**
 - A. Pohon anggur benar ini (Anak) dengan ranting-ranting-Nya (percayawan dalam Anak) ialah organisma Tuhan Tritunggal dalam ekonomi Tuhan.
 - B. Organisma ini bertumbuh dengan kekayaan-Nya dan mengekspresikan hayat divin-Nya.
- II. Sebagai ranting-ranting dalam pohon anggur, kita perlu tinggal dalam pohon anggur—Yoh. 15:4-5:**
 - A. Berada dalam Tuan ialah perkara penyatuan; tinggal dalam Tuan ialah perkara persekutuan—1 Kor. 1:9, 30.
 - B. Kita tinggal dalam Kristus yang merupakan pohon anggur bergantung pada kita melihat visi yang jelas bahawa kita ialah ranting-ranting dalam pohon anggur; sekali kita melihat bahawa kita ialah ranting dalam pohon anggur, kita perlu mengekalkan persekutuan antara kita dengan Tuan—Yoh. 15:2.
 - C. Kehidupan orang Kristian ialah kehidupan yang tinggal dalam Tuan—1 Yoh. 2:6, 27-28; 3:24; 4:13, 15.
 - D. Kita tinggal dalam Kristus ialah syarat bagi Dia tinggal dalam kita—Yoh. 15:5a.
 - E. Terpisah daripada pohon anggur, kita bukan apa-apa, kita tidak mempunyai apa-apa, dan kita tidak dapat berbuat apa-apa—ay. 5b.
 - F. Hanya apabila ranting-ranting tinggal dalam pohon anggur barulah pohon anggur itu dapat menjadi segala-gala kepada mereka.
- III. Kita tinggal dalam Kristus agar Dia dapat tinggal dalam kita dengan menjaga ajaran dalaman daripada pengurapan almuhit—1 Yoh. 2:27:**
 - A. Kita tinggal dalam persekutuan divin bersama-sama Kristus dengan mengalami pembersihan darah Tuan dan penerapan Roh yang mengurapi pada diri dalaman kita—Yoh. 15:4-5; 1 Yoh. 1:5, 7; 2:20, 27.
 - B. Kristus sebagai Kepala ialah Dia yang diurapi dan Dia yang mengurapi, dan kita ialah anggota-anggota-Nya yang menikmati-Nya sebagai pengurapan dalaman untuk menggenapkan tujuan-Nya—Ibr. 1:9; 3:14; 2 Kor. 1:21-22.
 - C. Pengurapan, yang merupakan pergerakan dan pengerajan Roh majmuk dalam kita, mengurapkan Tuhan ke dalam kita supaya kita dapat ditepu dengan Tuhan, memiliki Tuhan dan memahami minda Tuhan; pengurapan menyampaikan minda Kristus yang merupakan Kepala Tubuh kepada anggota-anggota-Nya melalui perasaan dalaman, kesedaran dalaman, daripada hayat—Mzm. 133; 1 Kor. 2:16; Roma 8:6, 27.
- IV. Tinggal dalam Tuan bererti menjadi satu roh dengan-Nya, yakni hidup dalam roh pembauran—1 Kor. 6:17:**
 - A. Esens Wasiat Baru ialah dua roh—Roh divin dan roh insani—berbaur bersama menjadi satu—ay. 17; Roma 8:4.
 - B. Penyatuan dua roh ini ialah misteri yang terdalam dalam Bible.
 - C. Ungkapan *satu roh* menandakan pembauran Tuan sebagai Roh itu dengan roh kita—1 Kor. 6:17:
 1. Roh itu, yang merupakan pembauran roh kita dan Roh Tuan menjadi satu roh, ialah Roh Tuan dan juga roh kita—Roma 8:4; 2 Kor. 3:17; 1 Kor. 15:45.
 2. Semua pengalaman rohani kita, seperti persekutuan kita dengan Tuan, doa kita kepada-Nya, dan kehidupan kita dengan-Nya, adalah dalam roh pembauran ini.

- D. Fokus ekonomi Tuhan ialah roh pembauran, Roh divin berbaur dengan roh insani; segala yang ingin dilakukan atau disempurnakan Tuhan berkaitan dengan fokus ini—Ef. 3:5, 9; 1:17; 2:22; 5:18; 6:18:
 - 1. Dengan menjadi satu roh dengan Tuan, kita dapat mengalami-Nya sebagai Dia yang almuhit—1 Kor. 1:2, 24, 30; 2:7-8, 10; 3:11; 5:7-8; 10:3-4; 11:3; 12:12; 15:20, 23, 45, 47.
 - 2. Kita dapat mengalami Kristus dan mengambil Kristus sebagai segala-gala kerana kita telah menjadi satu roh dengan-Nya.
 - 3. Bagi seseorang yang bersatu roh dengan Tuan, bekalan itu tidak dapat dihabiskan.
 - E. Roh pembauran ialah roh yang menjadi satu roh dengan Tuhan dan yang sama dengan Tuhan dalam hayat dan sifat-Nya tetapi bukan dalam Ketuhanan-Nya—1 Yoh. 5:11; 2 Ptr. 1:4:
 - 1. Roh divin dan roh insani berbaur menjadi satu dalam kita agar kita dapat menjalani kehidupan Tuhan-manusia, kehidupan yang merupakan Tuhan namun manusia dan manusia namun Tuhan—Gal. 2:20; Flp. 1:19-21a.
 - 2. Kehidupan Tuhan-manusia ialah kehidupan dua roh bergabung dan berbaur bersama menjadi satu.
 - F. Menjadi satu roh dengan Tuan mengimplikasikan bahawa kita berada dalam Dia dan Dia berada dalam kita dan bahawa kita dan Dia adalah satu dalam hayat—Yoh. 3:16; 1 Yoh. 5:12.
 - G. Untuk menjadi orang Kristian yang wajar, kita harus mengetahui bahawa Tuan Yesus hari ini sebagai perjasadan Tuhan Tritunggal ialah Roh yang huni secara dalaman dan berbaur dengan roh kita—2 Kor. 3:17; 1 Kor. 15:45; 6:17.
 - H. Bible menuntut supaya kita bergerak-hidup menurut roh pembauran—Roma 8:4:
 - 1. Kunci bagi segala-gala didapati dalam Roh ajaib yang ada dalam roh kita yang dilahirukan dan yang telah menjadi satu roh dengan roh kita.
 - 2. Hidup dalam roh bermaksud membiarkan Kristus memenuhi dan menepui kita sehingga Dia meresapi seluruh diri kita dan dengan itu diekspresikan menerusi kita—Ef. 3:17.
 - 3. Hal saling tinggal dalam Yohanes 15:4-5 ialah amalan menjadi satu roh dengan Tuan.
- V. Doa yang berkesan ialah hasil daripada kita tinggal dalam Tuan dan sabda-Nya tinggal dalam kita—ay. 7:**
- A. Doa bermaksud manusia bekerjasama dan bekerja bersama dengan Tuhan, membenarkan Tuhan mengekspresikan diri-Nya menerusi manusia dan dengan demikian menggenapkan tujuan-Nya; seorang yang berdoa akan bekerjasama dengan Tuhan, bekerja bersama dengan Tuhan, dan membenarkan Tuhan mengekspresikan diri-Nya dan hasrat-Nya dari dalamnya dan menerusinya—Roma 8:26-27; Yak. 5:17:
 - 1. Doa ialah pengaliran antara manusia dengan Tuhan dan perhubungan yang saling-menyaling antara manusia dengan Tuhan.
 - 2. Makna sebenar doa ialah menghubungi Tuhan dalam roh kita dan menyerap Tuhan sendiri—Ef. 6:18.
 - 3. Cara mengalami Kristus yang huni secara dalaman dan berhidupkan Kristus adalah dengan berdoa secara ikhlas—Kol. 1:27; 3:4; Flp. 1:20-21a.
 - 4. Kita memerlukan doa yang membawa kita ke dalam perhubungan dengan Tuan, doa yang menyebabkan kita bersatu dengan-Nya dalam roh kita—2 Tim. 4:22; 1 Kor. 6:17.
 - B. Apabila kita tinggal dalam Tuan, dan sabda-Nya tinggal dalam kita, akan timbul keinginan dalam kita yang datang daripada sabda-Nya—Yoh. 15:7; 1 Yoh. 5:14-15:

1. Kita akan menyentuh perasaan Tuan dan memahami hasrat-Nya; kemudian dengan spontan kita akan mempunyai keinginan-Nya dalam kita.
2. Keinginan-Nya akan menjadi keinginan kita, apa yang dikehendaki-Nya akan menjadi apa yang kita kehendaki, dan kita akan berdoa menurut keinginan ini.
3. Tuan akan memakbulkan doa seperti ini kerana doa ini terhasil daripada kita tinggal dalam Tuan dan sabda-Nya tinggal dalam kita.

VI. Apabila kita tinggal dalam Kristus dan Kristus tinggal dalam kita, kita dapat mempunyai kehidupan gereja—Yoh. 15:4-5; 1 Kor. 1:2, 9, 30; 12:27:

- A. Kita dapat mempunyai kehidupan gereja yang sejati hanya apabila kita hidup dalam roh pembauran; kita harus kekal berada dalam roh pembauran ini untuk kehidupan gereja—1:2; 12:27.
- B. Kehidupan gereja ialah kehidupan yang mengasihi satu sama lain—Yoh. 15:12, 17.
- C. Apabila kita tinggal dalam Kristus sebagai pohon anggur, kita berbahagian dalam persekutuan yang ajaib dalam kalangan rakan seranting—ay. 4-5; 1 Yoh. 1:3-7.